



JUARA... Barisan pemain SKTM Universiti Malaysia Sabah yang muncul juara pertandingan itu.

UMS juara Kejohanan Bola Sepak Sembilan Sebelah Tertutup Sabah

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul juara Kejohanan Bola Sepak Sembilan Sebelah Tertutup Sabah selepas menewaskan Bank Rakyat 3-1 di Penampang, kelmarin.

Perlawanan 20 minit di Padang Bolasepak Siulungap itu begitu mendebarkan apabila kedua-dua pasukan menampilkan aksi mantap.

Namun keupayaan sekumpulan 12 Graduan Sarjana Kejuruteraan Teknologi Maklumat (SKTM) universiti berkenaan yang mendahului satu gol menjadi pembakar semangat kepada kejayaan pasukan itu untuk muncul juara kejohanan berprestij anjuran bersama Kelab Mundial Football Club (F.C) dan Permaisaba Sdn. Bhd (PSB).

Yang jelas, gol pertama dan mengejutkan itu yang dijaringkan oleh pemain tinggi lampai Kannan Loganathan memberi tekanan kepada Bank Rakyat

sekali gus memberi peluang kepada SKTM mengatur serangan.

Bagaimanapun, kelekaan pemain pertahanan SKTM selepas merayakan gol pertama mereka membawa padah kepada pasukan itu apabila Ronny Fai-zal menyamakan kedudukan 1-1.

Apa pun, tirai cabaran yang dilabuhkan semalam lebih memihak kepada SKTM apabila gandingan mantap Jason Jonting dan Kannan mengesahkan kemenangan pasukannya.

Berikutan kemenangan itu, SKTM berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM400, sebuah piala dan medal manakala Bank Rakyat menerima wang tunai RM300, sebuah piala dan medal.

Sementara itu, KEM.G FC di tempat ketiga selepas menewaskan Mas Traffic 4-0 menerima hadiah wang tunai RM200, sebuah piala dan medal. Mas Traffic turut menerima wang tunai RM100, se-

buah piala dan medal.

Hadiah disampaikan oleh Eksekutif Jualan PSB, Faizal Ahmad dan Ketua Platoon Pasukan Sukarelawan (Rela) Malaysia, Penampang, Robert Saba.

Pengerusi Penganjur, Amat Mujan, berkata kejohanan Jemputan Mundial/PSB Tertutup itu memabitkan penyertaan 20 pasukan dari kelab bola sepak tempatan seluruh pantai barat negeri ini.

Antara pasukan yang mengambil bahagian dalam kejohanan berprestij itu ialah Permaisaba Sdn. Bhd, Mundial FC, Beverly FC (A) dan (B), City Police, Choson FC, MayBank FC (A) dan (B), RTD FC (JPJ).

Fajar FC (A) dan (B), Eon Berhad FC (A) dan (B), Bank Rakyat, SKTM FC, RHB Bank FC, Mas Traffic, KEM.G. FC, Penglobal Motor dan Kesihatan FC.

"Kejohanan ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di ka-

langan pemain dari semua pasukan yang bertanding.

"Selain itu, pihak penganjur juga berharap dapat mengesan pemain berbakat dalam sukan bola sepak yang boleh diketengahkan membawa cabaran sukan itu ke peringkat lebih tinggi," katanya.

Beliau yang dibantu rakan-ranya Sany Abdullah Ahmad berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang.

Amat berkata, temasya sukan itu berlangsung sejak 20 Julai lalu memabitkan pertemuan antara pasukan di peringkat kumpulan A,B,C dan D. sebelum dua daripada lima pasukan dari setiap kumpulan meneruskan cabaran ke persaingan suku akhir.

"Semua syarat-syarat dan peraturan kejohanan ini dijalankan mengikut undang-undang Persatuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA)," katanya. —

Oleh Aidah Ahmad